

# InspiraSI

TERKINI DI UPSI

Inside



UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS  
اربعينونى كماله وى سلطان ادرى

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Bil 42: 27 Oktober 2025

## PULARA 2025 catat sejarah, UPSI rekod penyertaan terbesar berbusana tradisional

**Lumut, 27 Oktober** - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sekali lagi mencipta sejarah apabila mencatat nama dalam Malaysia Book of Records (MBOR) bagi kategori 'Largest Participation Wearing Traditional Attire in a Gathering' sempena penganjuran Festival Puisi dan Lagu Rakyat Antarabangsa (PULARA) ke-11 di sini, malam tadi. Rekod bersejarah itu menyaksikan lebih 20,000 penyertaan yang terdiri daripada warga universiti, pelajar antarabangsa, seniman, pendidik dan pencinta budaya yang tampil dalam pelbagai busana tradisional penuh warna-warni, mencerminkan keindahan warisan budaya pelbagai kaum di Malaysia.

Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata, kejayaan itu bukan sahaja mengangkat seni dan budaya sebagai wahana perpaduan, malah memperkukuh peranan UPSI sebagai institusi pendidikan tinggi yang menjunjung nilai warisan bangsa. "Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT, kita berhimpun pada malam yang cukup istimewa ini dengan pelbagai busana yang cantik dan menawan, menghimpunkan para cendekiawan, seniman, pendidik dan pencinta bahasa dari seluruh pelusuk tanah air bahkan dari seberang lautan," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian PULARA 2025, malam tadi.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir, yang hadir merasmikan festival tersebut. Katanya, kehadiran Menteri Pendidikan Tinggi yang juga pengasas PULARA membuktikan bahawa seni dan budaya tidak pernah tersisih daripada landasan ilmu di peringkat universiti. Festival PULARA ke-11 berlangsung selama tiga hari bermula 23 hingga 25 Oktober dengan kehadiran lebih 20,000 pengunjung.

Program berprestij itu menampilkan lebih 100 persembahan seni budaya melibatkan pelbagai institusi, 50 gerai pameran

serta jualan oleh 18 institusi pengajian tinggi (IPT) dan agensi kementerian, selain penglibatan dua Sasterawan Negara serta 82 pelajar antarabangsa dari 19 negara. Antara pengisian utama termasuk Program Narasi dan Puncak Puisi PULARA yang menampilkan Sasterawan Negara Datuk Rahman Shaari dan Datuk Dr. Zurinah Hassan, Persidangan Rumpun Melayu Sedunia (RUMIA) bertemakan Persilangan: Ilmu, Budaya dan Jati Diri, Program Lestaria yang memfokuskan bengkel seni dan budaya, serta Titian Budaya, program keluarga angkat bagi pelajar antarabangsa.

Selain itu, Karnival Jualan Rahmah turut diadakan dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi memberi manfaat kepada masyarakat setempat. "Kejayaan ini milik bersama. Saya amat menghargai komitmen semua pihak yang menjayakan PULARA 2025 sehingga mencipta rekod Malaysia Book of Records," ujar beliau.

Festival PULARA turut diserikan dengan persembahan oleh artis terkenal seperti Sabri Yunus, Harry Khalifah, Sharifah Khasif, kumpulan Devotees, Kopratasa, Floor 88 dan Combi, yang menghiburkan ribuan pengunjung di pentas utama Lumut.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



## UPSI, MASKUM Hulur Bantuan kepada Mangsa Banjir di Pantai Remis dan Beruas

**Beraus, 25 Oktober** - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bersama Majlis Sukarelawan Universiti Awam Malaysia (MASKUM) menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir di dua kawasan terjejas di Pantai Remis dan Beruas, Perak. Misi bantuan itu melibatkan agihan barangan makanan kering di dua Pusat Pemindahan Sementara (PPS) iaitu Sekolah Agama Rakyat Pantai Remis yang menempatkan 39 keluarga dengan 123 mangsa, serta Sekolah Kebangsaan Beruas yang menempatkan 60 keluarga dengan 137 mangsa.

Sumbangan tersebut disalurkan melalui Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama MASKUM dan pasukan UPSI ResQ Team yang turut turun padang menyalurkan bantuan serta memberi sokongan moral kepada mangsa banjir.

Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata, penglibatan warga universiti dalam misi kemanusiaan itu mencerminkan keprihatinan dan tanggungjawab sosial institusi

pendidikan terhadap masyarakat yang terkesan akibat bencana. "UPSI sentiasa komited dalam menanam semangat kesukarelawan dalam kalangan pelajar dan staf universiti.

"Melalui program sebegini, kami bukan sahaja membantu meringankan beban mangsa banjir, tetapi juga mendidik mahasiswa agar sentiasa peka terhadap isu kemanusiaan," katanya.

Beliau berkata, usaha itu juga seiring dengan hasrat KPT untuk melahirkan graduan holistik dan berjiwa empati melalui penglibatan aktif dalam aktiviti sukarelawan serta khidmat komuniti. Turut hadir Ahli Lembaga Pengarah UPSI, Datuk Dr. Azhar Ahmad; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Malaysia Sabah merangkap Pengerusi MASKUM, Prof Madya Dr. Raman Noordin; serta Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPSI merangkap Pengerusi Jawatankuasa TNC HEP Universiti Awam Malaysia, Prof Dr. Norkhalid Salimin.

## UPSI diiktiraf Pusat Kecemerlangan Industri Sukan

**Seri Iskandar, 21 Oktober** - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melakar satu lagi kejayaan apabila menerima pengiktirafan rasmi sebagai Pusat Kecemerlangan Industri Sukan – Teras Tadbir Urus di bawah Pelan Industri Sukan Negara (PISN) oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Dekan Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan (FSSK), Profesor Madya Dr Jaffry Zakaria berkata, UPSI dilantik sebagai pusat kecemerlangan industri sukan berkenaan bagi memacu pelaksanaan agenda tadbir urus dan pembangunan sektor sukan

secara strategik dan berimpak tinggi. Beliau berkata, FSSK akan menumpukan kepada pembangunan modul latihan, penyelidikan dasar, dan penilaian amalan terbaik tadbir urus sukan yang dapat dimanfaatkan oleh pelbagai agensi serta organisasi sukan negara.

Menurutnya, kolaborasi strategik bersama KBS serta rakan industri akan terus diperkukuh bagi memastikan hasil penyelidikan dan inovasi UPSI dapat diterjemahkan kepada amalan yang memberi impak langsung kepada pembangunan sukan di Malaysia.

## YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi Deputi Perdana Menteri



## Silat bukan sekadar simbol tetapi lambang jati diri, maruah, falsafah hidup bangsa Melayu

**Lumut, 25 Oktober**

- Warisan dan seni persilatan bukan sekadar simbol tradisi, sebaliknya menjadi lambang jati diri, maruah dan falsafah hidup bangsa Melayu yang perlu terus dipelihara serta dimartabatkan di pentas global.

Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Datuk Dr. Md Amin Md Taff, berkata seni persilatan mengandungi nilai-nilai luhur yang mencerminkan ketinggian adab, keberanian dan kebijaksanaan masyarakat Melayu sejak dahulu.

"Persilatan bukan sekadar seni tempur, tetapi lambang disiplin, maruah dan falsafah hidup. Lagu rakyat dan puisi pula bukan sekadar hiburan, tetapi cerminan roh dan jiwa masyarakat.

"Budaya tradisional kita bukan hanya untuk dipamerkan, tetapi untuk difahami, dihayati dan diwarisi," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Rumpun Melayu Antarabangsa (RUMIA) 2025 di The Orient Star Resort,

Lumut hari ini. Beliau berkata, RUMIA 2025 yang bertemakan "Silat Warisan Dunia: Memartabatkan Jati Diri Melayu di Pentas Global" merupakan wadah penting untuk memperkukuh kefahaman terhadap warisan budaya bangsa melalui pendekatan holistik yang merangkumi seni persilatan, bahasa, budaya dan nilai-nilai murni tamadun Melayu.

Persidangan anjuran Institut Peradaban Melayu (IPM) UPSI dengan kerjasama Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) itu diadakan bersempena Festival Puisi dan Lagu Rakyat Antarabangsa (PULARA 2025) dan menghimpunkan pelbagai sarjana serta delegasi antarabangsa dari seluruh rantau Melayu. Tambah beliau, di tengah arus globalisasi dan digitalisasi yang pantas, warisan budaya Melayu tidak seharusnya dipinggirkan, sebaliknya menjadi sumber kekuatan yang membentuk ketahanan jati diri bangsa.

"Warisan bukan sekadar tinggalan masa lalu. Warisan ialah akar umbi

yang menentukan hala tuju dan jati diri bangsa. Kemajuan tidak menuntut kita melupakan akar, malah budaya warisan inilah yang membentuk ketahanan jati diri dalam dunia yang sedang berubah pantas.

Beliau berkata UPSI sebagai universiti yang berteraskan legasi Sultan Idris Training College (SITC) sentiasa berpegang kepada prinsip bahawa pendidikan merupakan kunci kepada pembinaan peradaban bangsa. "Kami amat mengalu-alukan sumbangan idea, pandangan kritis dan hasil perbincangan daripada peserta persidangan ini demi memperkukuh warisan, menyemarakkan ilmu dan menyatukan bangsa serumpun melalui landasan budaya serta nilai kearifan watan," katanya. Dalam program itu turut berlangsung ucapan ulung oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Tan Sri Syed Danial Syed Ahmad, yang menekankan kepentingan silat dan warisan Melayu sebagai teras perpaduan serta kedaulatan bangsa di alam Melayu.

